

## LEMBARAN PENERANGAN PRODUK



Sila baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Peribadi-i. Sila pastikan anda telah membaca terma dan syarat di dalam surat tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi anda sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma am.

PEMBIAYAAN PERIBADI -i

TARIKH: \_\_\_\_\_

### 1. Apakah produk ini?

Produk ini adalah kemudahan pembiayaan peribadi tanpa sekuriti di mana kadar keuntungan adalah tetap menyebabkan bayaran ansuran adalah tetap sepanjang tempoh pembiayaan.

### 2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan?

Kontrak Syariah yang digunakan ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui aturan Tawarruq. Ia adalah kaedah jualan (dimana kos akan dimaklumkan kepada anda) dengan harga penambahan di mana anda akan membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusan jualan antara anda dan Bank merupakan komoditi patuh Syariah yang boleh diniagakan.

- a) Mengikut pembiayaan secara Komoditi Murabahah, pihak Bank memperoleh/membeli komoditi patuh syariah mengikut jumlah kemudahan daripada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 1) atas permintaan anda
- b) Pihak Bank kemudian menjual komoditi kepada anda dengan harga jual Bank yang terdiri daripada harga komoditi berserta margin/keuntungan Bank. Anda akan membayar secara tertunda dalam jangka masa yang telah dipersetujui
- c) Anda kemudian melantik pihak Bank sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga demi meraih wang (Peniaga Komoditi 2).
- d) Pihak Bank, sebagai wakil anda kemudian menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) pada harga jual mengikut Jumlah kemudahan.
- e) Hasil penjualan komoditi akan diremit kepada anda, vendor atau pihak berkepentingan mengikut terma dan syarat kemudahan.

Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan ini, pada setiap masa Bank menjadi ejen tidak eksklusif bagi pihak anda, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan kemudahan pembiayaan ini.

### 3. Apakah yang saya perolehi dari produk ini?

Jumlah Kemudahan: RM \_\_\_\_\_ Kadar Keuntungan Tetap: \_\_\_\_\_% Kadar Keuntungan Efektif: \_\_\_\_\_%

Harga Jualan Bank: RM \_\_\_\_\_ Tempoh Pembiayaan: \_\_\_\_\_ years

- Jumlah minimum kemudahan adalah sebanyak RM5,000 dan maksimum sebanyak RM100,000. Jumlah kemudahan yang akan diluluskan adalah berdasarkan kepada penilaian kredit oleh pihak Bank
- Tempoh: dari 2 tahun (24 bulan) hingga 6 tahun (72 bulan).
- Kadar keuntungan tetap setahun bergantung kepada jumlah kemudahan yang telah diluluskan oleh pihak Bank seperti berikut:

Jumlah Kemudahan	Kadar Keuntungan Tetap
RM5,000 - RM20,000	7%
RM20,001 - RM50,000	6%
RM50,001 - RM100,000	5.5%

- Harga Jualan Bank: Jumlah yang perlu dibayar oleh anda terdiri daripada jumlah kemudahan campur keuntungan dibayar secara tertanggung dikira seperti berikut:

*Harga Jualan Bank = Jumlah Kemudahan + Jumlah Keuntungan sepanjang tempoh; di mana Jumlah Keuntungan = Jumlah Kemudahan x Kadar Keuntungan Tetap x Tempoh (dalam tahun)*

Nota: Kadar keuntungan efektif tahunan mungkin berbeza-beza berdasarkan jumlah dan tempoh pinjaman:

- (i) Kadar keuntungan tetap pada 7% setahun => Kadar keuntungan efektif dari 12.33% setahun hingga 12.91% setahun
- (ii) Kadar keuntungan tetap pada 6% setahun => Kadar keuntungan efektif dari 10.72% setahun hingga 11.13% setahun
- (iii) Kadar keuntungan tetap pada 5.5% setahun => Kadar keuntungan efektif dari 9.89% setahun hingga 10.23% setahun

### 4. Apakah tanggungjawab saya?

- Ansuran Bulanan Anda: RM \_\_\_\_\_
- Jumlah amaun pembayaran pada akhir tempoh pembiayaan selama (\_\_\_\_) tahun: RM \_\_\_\_\_
- Bayaran Ansuran bulanan dikira berdasarkan pengiraan di bawah:  

$$\left[ \frac{\text{Jumlah Kemudahan diluluskan} \times \text{Kadar Keuntungan Tetap setahun} \times \text{Tempoh kemudahan (dalam tahun)} + \text{Jumlah Kemudahan diluluskan}}{\text{Tempoh Kemudahan (dalam bulan)}} \right]$$

### 5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- a) Sekiranya anda gagal membuat bayaran ansuran bulanan, caj lewat bayar akan dikenakan seperti yang dinyatakan di perenggan 6.
- b) Yuran guaman (atas dasar Peguamcara dan Pelanggan) dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang munasabah ditanggung oleh Bank dalam melaksanakan hak-hak dan kelayakan-kelayakan lain di bawah pembiayaan ini di dalam proses mendapatkan semula wang yang kena dibayar oleh anda kepada Bank di bawah pembiayaan ini.

Tanpa mengambil kira peruntukan-peruntukan di atas, Bank boleh mengubah kadar yuran dan caj melalui notis Dua Puluh Satu (21) hari kalendar kepada anda.

<p><b>6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?</b></p> <p>Pihak Bank berhak untuk:</p> <p>a) Menganakan Caj Lewat Bayar (CLB) seperti berikut: Ansuran tertunggak atau Bayaran Berjadual:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Atas kegagalan membayar apa jua ansuran atau apa jua bayaran yang cukup tempoh dari tarikh kemudahan pertama kali dikeluarkan sehingga tarikh matangnya, satu Jumlah CLB bersamaan satu peratus (1%) ke atas ansuran atau bayaran tertunggak atau melalui kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).</li> <li>Apabila Matang: Atas kegagalan membayar apa jua ansuran atau apa jua bayaran yang telah cukup tempoh dan kegagalan itu melampaui Tarikh Matang kemudahan atau apabila mendapat penghakiman, yang mana dahulu, pada kadar CLB iaitu purata kadar Pasaran Kewangan Interbank Islam (IIMM) ke atas baki tertunggak yang cukup tempoh bayaran atau melalui kaedah lain yang diluluskan oleh BNM dari semasa ke semasa.</li> </ul> <p>b) Menolak-selesaikan sebarang baki kredit di dalam akaun anda yang dibuka bersama kami untuk menyelesaikan baki tertunggak di dalam akaun pembiayaan ini dengan memberikan kepada anda notis terdahulu selama tujuh (7) hari.</p>					
<p><b>7. Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pembiayaan ini sebelum tarikh ia matang?</b></p> <p>Anda perlu membayar keseluruhan baki tertunggak dan apa-apa jumlah yang tertunggak dan perlu dibayar kepada Bank seperti ansuran tertunggak, CLB, dan Takaful (jika ada). Tiada yuran dikenakan untuk penyelesaian awal.</p> <p>Pihak Bank akan memberi rebat (Ibra') kepada anda pada, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut:</p> <p>a) Anda membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang berpunca dari bayaran awal; dan</p> <p>b) Sekiranya Jumlah sebenar kemudahan yang dikeluarkan adalah rendah dari Jumlah Kemudahan.</p> <p>Bagi mengelak keraguan, adalah diperakui dan dipersetujui bahawa rebat-rebat berkenaan tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada anda, tetapi diterjemahkan sebagai tolakan dari elemen keuntungan bayaran ansuran kemudahan tersebut. Rebate berkenaan hanya akan diberikan selepas penerimaan Jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana ditentukan oleh Bank berdasarkan formula berikut:</p> <p><i>[Baki Harga Jualan Bank Tertunggak} Tolak {Baki Kemudahan Tertunggak} Tolak {Jumlah lain yang tertunggak kepada Bank}</i></p> <p>c) Anda mesti memaklumkan Bank dengan segera dengan menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank di 1300 88 6688 atau menghantar e-mel ke mbbcardservices@maybank.com.my sekiranya anda telah melunaskan Kemudahan sebelum tamat tempoh pembiayaan untuk mengelakkan sebarang caj keuntungan bulanan.</p> <p><i>Untuk maklumat lanjut mengenai ilustrasi Ibra', sila rujuk www.maybank2u.com.my dan klik 'Announcements' (October 2018) mengenai Bank Negara Malaysia's Guideline on Ibra' (Rebate).</i></p>					
<p><b>8. Adakah terdapat perlindungan Takaful untuk produk ini?</b></p> <p>Ya, anda mempunyai pilihan untuk mengambil/melanggan perlindungan Takaful untuk pembiayaan anda. Pelan Takaful ini distruktur untuk melindungi baki pembiayaan anda sepanjang tempoh pembiayaan atau jika berlaku sesuatu yang tidak diingini dalam tempoh pembiayaan.</p>					
<p><b>9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?</b></p> <p>Penjamin atau cagaran tidak diperlukan.</p>					
<p><b>10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai butiran perhubungan saya?</b></p> <p>Adalah penting untuk anda memberitahu kami dengan segera mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat. Untuk mengemas kinikan maklumat anda, sila hubungi atau hantarkan e-mel kepada kami di:</p> <p>Maybank Card Centre Tingkat 7, Menara Maybank, 100, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur Tel: 1 300 88 6688 Emel: mbbcardservices@maybank.com.my</p> <p>Untuk maklumat atau pertanyaan lebih lanjut mengenai produk atau perkhidmatan, sila rujuk ke laman web Maybank di <a href="http://www.Maybank2u.com.my">www.Maybank2u.com.my</a></p>					
<p><b>11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan untuk maklumat lanjut?</b></p> <table border="1"> <tr> <td> <p>Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran bulanan, anda harus menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan-pilihan yang ada. Kami boleh dihubungi di:</p> <p>Maybank Card Centre Tingkat 7, Menara Maybank 100, Jalan Tun Perak 50050 Kuala Lumpur Tel: 1 300 88 6688 Emel: mbbcardservices@maybank.com.my</p> </td> <td> <p>Anda juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan,kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi:</p> <p>Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur Tel: 1 800 88 2575 Emel: enquiry@akpk.org.my</p> </td> <td> <p>Jika pertanyaan dan aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda juga mempunyai pilihan untuk menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:</p> <p>Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Tel: 1 300 88 5465 Faks: 03-2174 1515 Emel: bnmtelink@bnm.gov.my</p> </td> </tr> </table>			<p>Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran bulanan, anda harus menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan-pilihan yang ada. Kami boleh dihubungi di:</p> <p>Maybank Card Centre Tingkat 7, Menara Maybank 100, Jalan Tun Perak 50050 Kuala Lumpur Tel: 1 300 88 6688 Emel: mbbcardservices@maybank.com.my</p>	<p>Anda juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan,kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi:</p> <p>Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur Tel: 1 800 88 2575 Emel: enquiry@akpk.org.my</p>	<p>Jika pertanyaan dan aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda juga mempunyai pilihan untuk menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:</p> <p>Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Tel: 1 300 88 5465 Faks: 03-2174 1515 Emel: bnmtelink@bnm.gov.my</p>
<p>Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran bulanan, anda harus menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan-pilihan yang ada. Kami boleh dihubungi di:</p> <p>Maybank Card Centre Tingkat 7, Menara Maybank 100, Jalan Tun Perak 50050 Kuala Lumpur Tel: 1 300 88 6688 Emel: mbbcardservices@maybank.com.my</p>	<p>Anda juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan,kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi:</p> <p>Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur Tel: 1 800 88 2575 Emel: enquiry@akpk.org.my</p>	<p>Jika pertanyaan dan aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda juga mempunyai pilihan untuk menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:</p> <p>Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Tel: 1 300 88 5465 Faks: 03-2174 1515 Emel: bnmtelink@bnm.gov.my</p>			
<p><b>12. Pakej pembiayaan peribadi lain yang ditawarkan:</b></p> <p>Tiada</p>					

**NOTA PENTING:**

- ANDA DIMINTA MEMBACA DAN MEMAHAMI SEMUA TERMA DAN SYARAT PEMBIAYAAN PERIBADI-i MAYBANK ISLAMIC SEBELUM ANDA MENERIMA ATAU MENANDATANGANNINYA.**
- TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN PEMBIAYAAN PERIBADI-i MAYBANK ISLAMIC ANDA.**